

# Kerajaan cari punca penduduk temp

KOTA BHARU, Jumaat – Kerajaan akan mengkaji punca yang menyebabkan timbulnya ancaman oleh segelintir warga Kalimantan Barat untuk berdemostrasi di perkarangan pejabat Konsulat Malaysia di Pontianak, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan negara itu sepatutnya memberi perlindungan diplomatik kepada pegawai terbabit sepanjang waktu perkhidmatan mereka.

“Kita akan kaji kenapa mereka mengugut wakil kita sedangkan wakil kita adalah orang diplomatik

yang perlu diberi perlindungan oleh kerajaan (Indonesia)... tapi kadang-kadang kerajaan pun menghadapi masalah untuk menjaga keselamatan orang kita.

“Itulah sebabnya kita bawa mereka balik dan akan selidik mengapa ini berlaku.

“Kalau kita ambil tindakan terhadap orang asing yang buat salah di negara kita dan mereka mahu membalas dendam dengan mengancam orang kita, maka kita tak boleh terima orang asing dalam negara kita,” katanya pada sidang akhbar selepas perasmian Minggu Sa-

## atan mahu berdemostrasi

BH 21 APR 2001

ham Amanah Malaysia (MSAM) 2001 di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas langkah Kementerian Luar menutup sementara operasi Konsulat Malaysia di Pontianak, Kalimantan Barat, mulai semalam dan memindahkan ahli keluarga

pegawainya ke Kuching dan Kuala Lumpur bagi menjamin keselamatan mereka.

Sembilan ahli keluarga pegawai terbabit diterbangkan ke Kuching manakala empat lagi ke Kuala Lumpur dengan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM),

pagi semalam.

Pejabat konsulat berkenaan dikatakan menerima maklumat mengatakan demonstrasi akan diadakan di perkarangan pejabat semalam sebagai membantah apa yang didakwa sebagai layanan buruk terhadap pekerja Indonesia di Malaysia.